

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]

TARIKH : 12 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan Kementerian bagi memastikan kebajikan puluhan ribu pekerja Malaysia Airlines Berhad terbelas susulan rancangan penyusunan semula operasi kecemasan yang diumumkan baru-baru ini.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Di dalam Pembentangan Bajet 2021 baru-baru ini, Kementerian Kewangan telah menyatakan bahawa Kerajaan akan menyediakan program latihan dan penempatan semula bagi 8,000 kakitangan dari syarikat penerbangan di Malaysia dengan peruntukan sebanyak RM50 juta ringgit.

2. Sehubungan itu, Kementerian Pengangkutan akan bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia bagi merancang program latihan dan penempatan semula kakitangan dari syarikat penerbangan yang terkesan akibat pandemik COVID-19 di Malaysia. Dalam hubungan ini, program peningkatan kemahiran dan latihan semula atau *reskilling and upskilling* akan dirancang untuk dilaksanakan dengan tumpuan kepada kebolehpasaran pekerja dan padanan pekerjaan. Program ini akan membantu meningkatkan peluang pekerjaan bagi kakitangan syarikat penerbangan yang terjejas akibat rancangan penyusunan semula operasi kecemasan yang diumumkan MAB baru-baru ini.

Sekian, terima kasih.